



**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BILANGAN 4 TAHUN 2026**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN AKAUN KHAS (BANTUAN SEGERA)
NEGERI PULAU PINANG**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Ahli Dewan Undangan Negeri,

Pegawai Daerah,

NEGERI PULAU PINANG

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kaedah pengurusan peruntukan Akaun Khas (Bantuan Segera) Negeri Pulau Pinang di bawah Maksud Bekalan B.16 OS42000 Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khas pada setiap tahun bagi memastikan bantuan segera dapat disalurkan secara efisien kepada golongan yang memerlukan.
- 2.2 Peruntukan Akaun Khas (Bantuan Segera) ini ditetapkan berdasarkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan selaras dengan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dalam tahun semasa.

3. PENGURUSAN AKAUN KHAS KADUN

- 3.1 YAB Ketua Menteri/YB Timbalan Ketua Menteri/YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dan YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) hendaklah membuka Akaun Semasa (*Current Account*) di Maybank. Pegawai Kewangan Negeri akan mengeluarkan surat iringan kepada YB ADUN bagi tujuan pembukaan akaun semasa ini;
- 3.2 YAB Ketua Menteri/YB Timbalan Ketua Menteri/YB Ahli MMK dan YB ADUN bertindak sebagai penandatangan bagi Akaun Khas masing-masing;
- 3.3 Akaun ini adalah untuk terimaan wang Kerajaan sahaja dan haruslah diuruskan dengan baik serta teratur sepanjang masa;
- 3.4 Dokumen-dokumen sokongan/pembuktian bagi setiap urusan akaun haruslah disimpan dan direkodkan dengan teratur. Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa berhak untuk meminta dokumen/laporan bagi urusan akaun ini pada bila-bila masa yang dirasakan perlu;
- 3.5 Penyata akaun bank haruslah disimpan dengan sempurna.

4. KUASA MELULUS DAN KAWALAN PERUNTUKAN

4.1 Kuasa Pegawai Pengawal

- 4.1.1 Kawalan sepenuhnya ke atas peruntukan ini adalah di bawah bidang kuasa Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Kewangan Negeri boleh menurunkan kuasa kepada pegawai di bawah kawalannya, termasuk Pegawai Daerah, bagi menguruskan pelaksanaan projek, perolehan, serta urusan bayaran terus kepada penerima;

- 4.1.2 Waran Peruntukan Kecil akan dikeluarkan oleh JKNPP kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) pada setiap tahun dan PDT perlu menguruskan penyaluran ke Akaun Khas ADUN pada setiap suku tahun. Dalam hal ini, Pegawai Daerah adalah bertindak sebagai Pegawai Pengawal bagi peruntukan yang disalurkan ke Akaun Khas ADUN;
- 4.1.3 Pegawai yang menerima penurunan kuasa adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan penggunaan peruntukan ini mematuhi skop dan kategori penggunaan peruntukan seperti di perenggan 5 surat pekeliling ini;
- 4.1.4 Pegawai Pengawal dan pegawai yang diturunkan kuasa boleh, dalam bidang kuasa dan kawalannya, menjalankan pemeriksaan/pemantauan atau meminta apa-apa dokumen yang difikirkan munasabah sebagai suatu bentuk pembuktian bagi setiap urusan pembiayaan/bayaran yang telah dibuat menggunakan peruntukan ini.

5. PENGGUNAAN PERUNTUKAN MELALUI AKAUN KHAS

- 5.1 Penggunaan peruntukan ini adalah bagi mana-mana bentuk pembiayaan yang diyakini memberi manfaat nyata kepada Masyarakat dan tidak bercanggah dengan peraturan kewangan negeri dan mana-mana peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Permohonan penggunaan peruntukan ini haruslah menggunakan **Borang Permohonan AK1.v2** seperti di **Lampiran 1**.
- 5.3 Pembiayaan ini boleh merangkumi:
 - 5.3.1 Pemberian bantuan kewangan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan sasar, iaitu penduduk miskin (B40), ibu tunggal, warga emas, golongan kurang upaya (OKU) dan mana-mana penerima

yang dikategorikan sebagai golongan rentan dan memerlukan bantuan segera;

5.3.2 Sumbangan bagi meringankan kesusahan akibat kematian, bencana dan lain-lain musibah; dan

5.3.3 Bantuan-bantuan kebajikan lain yang pada pandangan YB ADUN perlu disalurkan kepada mereka yang layak.

6. PERATURAN UMUM TENTANG AKAUN

Peraturan-peraturan umum Akaun Khas adalah seperti berikut:

- 6.1 Akaun haruslah diurus dengan baik dan teratur;
- 6.2 Dokumen-dokumen sokongan berkaitan urusan akaun harus disimpan dan direkodkan dengan teratur;
- 6.3 Akaun ini bagi terimaan wang Kerajaan sahaja;
- 6.4 Penyata akaun bank harus disimpan dengan sempurna;
- 6.5 YB ADUN adalah dibenarkan untuk mengemukakan permohonan penyaluran awal peruntukan bagi suku tahun berikutnya, tertakluk kepada syarat prestasi perbelanjaan akaun semasa telah mencapai sekurang-kurangnya 80%;
- 6.6 Permohonan ini hendaklah dikemukakan kepada PDT selaku Pegawai Pengawal untuk pertimbangan. Dalam hal ini, Pegawai Pengawal mempunyai kuasa untuk menentukan keperluan dokumen serta menuntut apa-apa maklumat atau dokumen sokongan yang difikirkan perlu dan munasabah bagi tujuan semakan sebelum keputusan dibuat.

7. LAPORAN AKAUN KHAS

- 7.1 Laporan prestasi pelaksanaan dan perbelanjaan Akaun Khas ini (**Lampiran 2**) perlu dikemukakan secara bulanan, iaitu sebelum 15hb setiap bulan kepada PDT untuk rekod dan apa-apa semakan sekiranya perlu;
- 7.2 Laporan yang dikemukakan ke PDT perlu mengandungi:
 - 7.3.1 Surat iringan yang ditandatangani oleh YB ADUN;
 - 7.3.2 Penyata Akaun Maybank yang terperinci;
 - 7.3.3 Lampiran 1 dan 2 yang lengkap; dan
 - 7.3.4 Lain-lain dokumen sokongan (seperti surat permohonan kepada YB ADUN, laporan bergambar, invois, resit bayaran, salinan cek yang difotokopi dan mana-mana dokumen sokongan yang relevan).
- 7.3 Seterusnya laporan prestasi perbelanjaan menggunakan format seperti di **Lampiran 3** perlu dikemukakan oleh PDT secara suku tahunan kepada Unit Belanjawan JKNPP;
- 7.4 Pegawai Pengawal mempunyai kuasa untuk menyekat penyaluran peruntukan bagi suku tahun berikutnya sekiranya laporan bulanan Akaun Khas ini tidak diterima atau tidak dilengkapkan sebagaimana ditetapkan peraturan ini.

8. PENUTUPAN AKAUN

Akaun Khas ini hendaklah ditutup dan semua baki akan ditarik balik oleh JKNPP sekiranya YAB Ketua Menteri/YB Timbalan Ketua Menteri/YB AMMK dan YB ADUN tidak lagi berperanan sebagai ADUN di Negeri Pulau Pinang

(apabila berlaku pembubaran Dewan Undangan Negeri, kematian, hilang kelayakan atau sebab-sebab lain yang sah disisi undang-undang).

9. TARIKH KUAT KUASA


9.1 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan arahan kewangan semasa yang berkuat kuasa bagi memastikan perbelanjaan Kerajaan dilaksanakan secara optimum, telus dan berintegriti selaras dengan prinsip kawalan perbelanjaan awam.

9.2 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Mei 2026. Dengan berkuatkuasanya surat pekeling ini, maka Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 2 Tahun 2026 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI ZAIRI BIN HAJI MAT ALI)
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

Tarikh: **24** April 2026

s.k.: YAB Ketua Menteri Pulau Pinang
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang